

# Dedikasi penolong jururawat diiktiraf

Oleh **NADZRI EUNOS**  
nadzri@sph.com.sg

CIK Zubaidah Mohd Saad sepatutnya berasa gembira dapat berhari raya bersama suami dan anak-anaknya.

Sebaliknya, penolong jururawat kanan berusia 54 tahun itu berasa sayu dan air mata bergenang di matanya.

Beliau memikirkan tentang para pesakit di bawah jagaannya di Institut Kesihatan Mental (IMH) yang mendambakan belaian kasih sayang keluarga kerana hidup terasing.

Untuk menceriakan mereka, Cik Zubaidah memasak bubur kacang dan menyajikannya kepada mereka sejurus kembali daripada cuti Aidilfitri lalu.

"Hati saya tersentuh bila seorang pesakit berkata bubur kacang saya mengingatkan-kannya akan zaman kanak-kanaknya. Seorang lagi pesakit mendedahkan itulah kali pertama beliau merasa bubur kacang dalam 15 tahun.

"Niat saya hanyalah untuk menunjukkan bahawa saya benar-benar sayangkan mereka. Oleh itu, saya layan mereka seperti insan lain yang punya hati dan perasaan. Saya cuba yakinkan pada



FOTO: TAUFIK A. KADER

**JURURAWAT CEMERLANG:** Cik Zubaidah berharap dapat membantu pesakit mental pulih dan kembali ke pangkuan keluarga.

mereka bahawa mereka masih ada harapan untuk pulih dan kembali ke pangkuan keluarga," kata Cik Zubaidah sambil menahan sebak.

Beliau, yang bertugas di wad pesakit tenat, juga membuat agar-agar setiap kali ada pesakit menyambut hari lahir. Bahkan, Cik Zubaidah

sentiasa mengisi sakunya dengan gula-gula sebagai hadiah untuk pesakit.

"Saya harap usaha ini dapat kembalikan maruah mereka yang rapuh dek stigma penyakit mental yang mereka alami," katanya, yang berpengalaman 36 tahun.

**Dedikasi dan komitmen**

Cik Zubaidah dan dua lagi penolong jururawat diiktiraf apabila mereka dipilih sebagai pemenang Anugerah Kejururawatan Tan Chin Tuan yang diperkenalkan tahun ini.

Anugerah itu khusus bagi penolong jururawat. Sebelum ini, anugerah kejururawatan diberi hanya kepada jururawat berdaftar.

Anugerah tahunan baru itu dinamakan sempena seorang ahli perbankan dan dermawan serta disokong Yayasan D. S. Lee.

Dua pemenang lain adalah penolong jururawat kanan Pusat Jantung Negara, Encik Lim Chuan Kah, dan penolong jururawat kanan Hospital Besar Singapura, Cik Ong Siew Hoon.

Setiap seorang menerima pingat Florence Nightingale khas dan wang tunai \$2,000 daripada Menteri Kesihatan, Encik Khaw Boon Wan, dalam majlis penyampaian di Teater Yayasan Lee di Auditorium Akademik Seni Halus Nanyang, malam tadi.

Wang tunai itu akan digunakan bagi membangunkan profesional mereka.

Piala pusingan bagi penolong jururawat terbaik tahun ini dianugerahkan kepada Encik Lim.